



# Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பிளாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:  
(in English, BM, Chinese,  
& Tamil)  
[www.consumer.org.my](http://www.consumer.org.my)

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109  
email: [consumerofpenang@gmail.com](mailto:consumerofpenang@gmail.com)

**Kenyataan Akhbar**

**27 Mei 2022**

## **Kerajaan perlu tetapkan harga siling yang berpatutan bagi tambang perjalanan e-hailing**

Sejak kebelakangan ini, terdapat banyak perbincangan mengenai kenaikan harga tambang Grab dan sistem lonjakan harganya. Banyak kumpulan pengguna menyeru agar kerajaan melakukan sesuatu untuk mengawal kenaikan harga terlalu tinggi yang dikenakan oleh Grab kepada pelanggan mereka. Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) turut menyuarakan gesaan ini.

Bagi kebanyakan orang tanpa pengangkutan sendiri, perkhidmatan e-hailing ini adalah satu keperluan. Sudah tentu terdapat mod pengangkutan awam lain yang lebih murah, tetapi ia tidak selalunya boleh dilakukan untuk orang ramai mengambilnya. Sebagai contoh bas, pasti kosnya lebih murah daripada menaiki dengan perkhidmatan e-hailing; walau bagaimanapun, kelemahannya termasuklah masa menunggu yang lama antara bas, kekurangan perhentian bas dalam jarak yang munasabah dari tempat seseorang itu perlu dijemput dan tempat mereka ingin dihantar, kekangan masa yang mungkin mereka alami, keadaan kesihatan atau fizikal tertentu, dan (sesuatu yang mula difikirkan oleh orang ramai kerana wabak Covid-19) iaitu kekurangan sebarang penjarakan sosial.

Kenaikan harga tambang Grab baru-baru ini yang dialami oleh pengguna amat mengecewakan dan membebankan kerana sesetengah orang tidak mempunyai pilihan selain menggunakan perkhidmatan e-hailing. Oleh sebab itu, adalah membingungkan bahawa Menteri Pengangkutan telah menyatakan bahawa tambang e-hailing akan kekal tidak dikawal.

Kenaikan harga akibat sistem lonjakan harga yang dilaksanakan oleh Grab tidak masuk akal apabila ia berlaku kerana kekurangan pemandu. Caj yang terlalu tinggi itu tidak menarik lebih ramai pemandu dan tidak juga membantu meringankan beban pemandu yang mungkin terperangkap dalam kesesakan lalu lintas. Ia hanya berfungsi untuk membuatkan pengguna lebih menderita.

Kepada pihak berkuasa yang mendakwa Grab bukan monopoli kerana terdapat 21 syarikat e-hailing lain yang sedang beroperasi, kami meminta agar anda hanya menggunakan perkhidmatan e-hailing sahaja untuk perjalanan selama seminggu dan maklumkan kepada kami jika anda boleh mendapatkan kenderaan secara konsisten daripada mana-mana syarikat lain yang bukan Grab atau adakah anda terpaksa membuka aplikasi Grab selepas berulang kali menekan butang "tempah sekarang" selama lebih 30 minit dalam aplikasi e-hailing yang lain.

Perkhidmatan e-hailing dibenarkan menaikkan harga tidak lebih daripada 200% tambang asas bagi perjalanan dan pihak berkuasa menyatakan bahawa mereka memerlukan "bukti kukuh" untuk mengambil tindakan. Pastinya isu kenaikan harga tambang Grab sebanyak 400% yang telah tersebar dalam berita adalah bukti yang cukup kukuh. Kami juga turut menerima aduan daripada seorang wanita warga emas yang mengatakan bahawa tambang perjalanannya yang biasanya berharga RM9.00 menjadi RM22.00 dan ini adalah waktu di luar waktu puncak.

Menurut artikel berita, Menteri Pengangkutan sendiri telah menyatakan bahawa surcaj maksimum yang dibenarkan sebanyak 200% adalah tidak munasabah. Kami bersetuju dengan sepenuh hati bahawa surcaj yang dibenarkan sebanyak 200% adalah terlalu banyak.

Sehubungan itu, CAP menggesa Kementerian Pengangkutan mengambil tindakan dengan segera untuk mengawal harga tambang e-hailing dengan menetapkan harga siling yang munasabah untuk kedua-dua pengguna dan juga pemandu e-hailing.

**Mohideen Abdul Kader**  
**Presiden**  
**Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang (CAP)**